

Pemborong naikkan harga ayam kena kompaun



Anggota penguat kuasa melakukan pemeriksaan ke atas sebuah premis pemborong ayam di Kuantan.

KUANTAN - Sebuah syarikat pemborong ayam di sini dikompaunkan RM5,000 kerana kesalahan menjual ayam standard melebihi harga kawalan yang ditetapkan kelmarin.

Sikap tamak pemborong berkenaan terbongkar ekoran aduan peruncit sekitar daerah ini yang mendakwa menerima bekalan ayam daripada syarikat itu melebihi harga yang dikawal.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP) Pahang, Ahmad Fitri Ali berkata, susulan aduan diterima sepasukan anggota penguat kuasa membuat siasatan ke atas syarikat terbabit.

Menurutnya, berdasarkan bukti invoice daripada peniaga

runcit serta bil yang dijumpai di premis tersebut mendapati pemborong itu menjual ayam standard melebihi harga kawalan ditetapkan.

"Bagi kesalahan itu, pemborong terbabit dikenakan tindakan kompaun di bawah Seksyen 11 Akta Kawalan Harga Dan Antipencututan 2011," katanya melalui satu kenyataan di sini semalam.

Ahmad Fitri berkata, kesalahan itu yang pertama melibatkan pemborong dikesan dan diambil tindakan di negeri ini.

"Ekoran kes ini, pemeriksaan susulan dilakukan ke atas beberapa lagi pemborong di sekitar Kuantan bagaimanapun semua mereka mematuhi peraturan yang ditetapkan," katanya.